

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1989/90

Oktober/November 1989

PLG 418 Kaedah Mengajar Kesusasteraan III

Masa : | 2 jam |

ARAHAN:

Kertas soalan ini mengandungi 7 (tujuh) soalan dan dibahagikan kepada Bahagian A dan B. Anda dikehendaki menjawab satu soalan dari Bahagian A dan dua soalan dari Bahagian B.

BAHAGIAN A

1. Falsafah pendidikan Kesusasteraan Melayu baru sahaja dibincangkan secara khusus di dalam seminar yang ditaja oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Berdasarkan falsafah tersebut, bincangkan kedudukan pendidikan kesusasteraan Melayu di dalam sistem pendidikan kebangsaan.
(34 markah)
2. "Kanak-kanak perlu dipupuk supaya meminati dan mencintai sastera sejak masih kecil lagi. Pemupukan ini amat perlu supaya mereka terus membaca dan dapat merasai, menikmati dan menghargai hasil-hasil karya sastera"
 - i) Bersetujukah anda dengan pendapat ini? Beri alasan-alasan yang munasabah untuk mengukuhkan pendapat anda itu.
 - ii) Secara ringkas ajukan beberapa saranan untuk meningkatkan minat membaca bahan-bahan sastera di kalangan kanak-kanak.
(34 markah)

...2/-

BAHAGIAN B

3. ".....Tuan tidak pernah lalu, bagaimana satu keluarga hancur kerana mempertahankan tanahairnya. Hancur! Hancur! seperti serumpun bambu' habis dimakan api. Tuan belum pernah lihat betapa seorang nenek memanggul senjata mempertahankan tanahairnya".

(KG. hal. 157)

Berdasarkan petikan di atas jawab soalan-soalan berikut:

- i) Nyatakan jenis-jenis plot yang terdapat di dalam novel Keluarga Gerilya.
 - ii) Padangkan bahan petikan di atas dengan menyediakan satu rancangan pengajaran plot di kalangan pelajar Tingkatan Enam.
- (33 markah)
4. Bincangkan cara-cara untuk menubuh bahan-bahan ujian dan penilaian di dalam pendidikan sastera.
- (33 markah)
5. Terdapat beberapa pendekatan yang boleh digunakan untuk mengajar puisi maju. Bincangkan beberapa pendekatan dan aras pengajaran aprisiasi puisi. Gunakan bahan-bahan sajak sebagai rujukan pengajaran anda.
- (33 markah)
6. Sastera sejarah dan sejarah kesusasteraan adalah dua konsep yang berbeza. Apakah perbezaan tersebut? Dan bagaimanakah hendak mengajar aspek-aspek sejarah di dalam Sastera Sejarah? Kaitkan jawapan anda dengan merujuk kepada teks Sejarah Melayu.
- (33 markah)
7. Buat satu ulasan dan kajian terhadap salah satu daripada cerpen dari negara asing yang pernah dibincangkan. Ulasan dan kajian anda hendaklah meliputi hal-hal yang berhubungan dengan tema, plot dan sinopsis. Dan apakah kekuatan dan kelemahan cerpen tersebut.
- (33 markah)